

28/01/2002

Pekerja Indonesia dikurang separuh (HL)

Norbakti Alias; Wan Jailani Razak

KUALA TERENGGANU, Ahad - Kerajaan bercadang mengurangkan separuh jumlah pekerja Indonesia yang berdaftar di negara ini sekarang, kata Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat.

Beliau berkata, pada masa ini kira-kira 900,000 pekerja Indonesia berdaftar dan kerajaan bercadang mengurangkannya kepada 450,000 dan 500,000 orang.

"Isu yang kita hadapi sekarang ialah bilangan mereka ini (Indonesia) terlampau ramai... kalau apa-apa (berlaku) kita tak boleh kawal," katanya selepas melawat depoh tahanan Imigresen Ajil dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, kebanyakan pekerja Indonesia yang berdaftar itu adalah dalam sektor pembinaan, pembantu rumah, pembuatan dan peladangan.

Di LANGKAWI, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diminta mengulas kenyataan Aseh, menjelaskan keputusan mengurangkan pekerja asing, termasuk dari Indonesia bukan saja untuk mencegah risiko keganasan yang dilakukan golongan itu, malah bagi menyekat pengaliran keluar wang negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga seboleh-bolehnya mahu peluang pekerjaan yang ada dipenuhi rakyat tempatan.

"Kita perlu mengurangkan pekerja asing, termasuk dari Indonesia kerana hakikatnya golongan itu menghantar balik wang ke negara masing-masing.

"Ini menyebabkan pengaliran keluar wang negara. Sebab itu tidak timbul sama ada kita mahu mengurangkan kepada separuh jumlah pekerja dari Indonesia atau tidak kerana hakikatnya, kita perlu kurangkan jumlah pekerja asing," katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang perlumbaan Ironman Langkawi Malaysia di Dataran Lang, petang ini.

Perlumbaan itu dimenangi juara bertahan, Brian Rhodes dari New Zealand yang menamatkan acara tiga disiplin itu - berenang sejauh 3.8km, berbasikal (180.2km) dan berlari 42.2km - dalam masa 8 jam 10 minit 25 saat.

Dr Mahathir juga berkata, kedatangan ramai pekerja asing menyebabkan negara menghadapi risiko keganasan, seperti yang berlaku di Nilai baru-baru ini.

"Kejadian seperti di (asrama) kilang Hualon bukan sesuatu yang kita biasa lihat dilakukan rakyat Malaysia," katanya.

Dalam kejadian awal pagi 17 Januari lalu, sekurang-kurangnya empat kenderaan polis rosak dan dua anggota polis cedera apabila kira-kira 500 pekerja Indonesia merusuh kerana membantah penahanan 16 rakan mereka yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Mengenai pilihan bagi majikan yang kini mengupah pekerja asing, Dr Mahathir berkata, pengusaha perlu menggunakan lebih banyak teknologi automasi dan robotik untuk mengurangkan penggunaan tenaga kerja.

"Ketika ini kita lihat bilangan pekerja kita mungkin tidak mencukupi, hingga kerja di kilang berhawa dingin pun dibuat oleh rakyat asing. Jadi, pengusaha perlu mencari alternatif lain," katanya.

Aseh sebelum itu pula menyarankan majikan mengambil pekerja asing dari tujuh negara lain, iaitu Thailand, Filipina, Kemboja, Myanmar, Nepal, Vietnam dan Laos, manakala bagi pembantu rumah, sebuah lagi negara yang dibenarkan ialah Sri Lanka.

Bagaimanapun, katanya, bagi kes terpilih, kerajaan mungkin memberi pertimbangan membenarkan majikan mengambil pekerja Indonesia, termasuk sekiranya majikan tidak dapat mengambil pekerja dari negara lain.

Aseh berkata, dasar baru yang menyebut bahawa pengambilan pekerja

Indonesia akan menjadi pilihan terakhir, akan dilaksanakan dalam dua bentuk.

"Pertama, kelulusan baru akan dihadkan hanya untuk kes tertentu iaitu apabila majikan tidak dapat mengambil pekerja dari negara lain dan kedua ialah bagi pekerja Indonesia yang telah tamat kontrak, majikan perlu menggantikannya dengan pekerja dari negara lain.

"Bagaimanapun, kelonggaran diberi kepada majikan yang permohonan mereka telah diluluskan dan telah membuat bayaran," katanya.

Beliau berkata, permohonan yang kini dalam proses oleh Imigresen juga tertakluk dengan peraturan baru itu.

"Yang nak buat permohonan, mohonlah... kita cuma kata jangan ambil Indonesia dululah kalau dah boleh ambil yang lain... kita letakkan pekerja Indonesia sebagai pilihan akhir," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Imigresen juga akan memaklumkan kepada majikan, negara yang dibenarkan oleh kerajaan bagi setiap permohonan baru yang dibuat.

Mengenai penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang ditahan di pusat tahanan, Aseh berkata dasar untuk menghantar mereka pulang dengan segera telah bermula.

"Kita dah mula hantar pulang, malah sekarang ini setiap hari kita dah hantar pulang," katanya.

Mengenai kos menghantar mereka pulang, Aseh berkata kos akan ditanggung sendiri oleh pendatang terbabit, kecuali bagi mereka yang tidak mempunyai wang, kerajaan yang akan menanggung kos itu.

(END)